



**SMK TUNKU ANUM TUNKU ABDUL RAHMAN
SEKOLAH SUKAN NEGERI KEDAH**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU**

1103/1

**Kertas 1
Oktober 2020**

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan *satu* soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.
Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada cara murid mengisi masa senggang. Huraikan pendapat anda tentang **cara-cara murid mengisi masa senggang mereka dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Cara-cara mengisi masa senggang



membaca



bersukan



membantu ibu bapa melakukan kerja rumah

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Penggunaan Internet dianggap sebagai satu gaya hidup para remaja pada abad ini.

Bincangkan kebaikan dan keburukan penggunaan Internet kepada anda.

- 2 Pelbagai masalah sosial berkait rapat dengan kebejatan institusi keluarga.

Huraikan peranan keluarga dalam menangani masalah tersebut.

- 3 Kedatangan buruh asing ke negara kita mendatangkan pelbagai kesan.

Tulis sebuah rencana tersebut selengkapnya.

- 4 Wabak Covid-19 telah menjadi masalah global yang mengancam seluruh negara di dunia. Malaysia diiktiraf antara negara yang amat berjaya di dunia dalam mengawal dan menguruskan wabak Covid-19.


Jelaskan langkah-langkah yang boleh dikemukakan kerajaan Malaysia untuk menangani penularan wabak Covid-19 kepada negara-negara serantau.

- 5 *Sungguh rendang pohon rumbia,
Tempat persinggahan si anak kera,
Ketupat rendang sudah tersedia,
Jemputlah semua menjamu selera.*

Pantun di atas biasa kita dengar ketika menghadiri majlis rumah terbuka sempena sambutan hari perayaan. Berdasarkan pengalaman anda, tuliskan sebuah cerita berkaitan dengan faedah mengadakan majlis rumah terbuka.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT



SMK TUNKU ANUM TUNKU ABDUL RAHMAN
SEKOLAH SUKAN NEGERI KEDAH

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2
Oktober 2020

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha melestarikan permainan tradisional** dan **kekangan-kekangan untuk memajukannya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Permainan tradisional merupakan permainan yang dicipta oleh masyarakat tradisional, iaitu merujuk permainan budaya yang sudah diamalkan oleh masyarakat itu untuk satu tempoh yang tertentu. Permainan tradisional ini juga sebagai pelengkap alam kanak-kanak pada masa silam untuk berkongsi kerian dan kegembiraan. Mereka cuma perlu berkawan, namun bukan lagi resam kepada kanak-kanak masa ini yang begitu terdedah kepada peralatan telekomunikasi yang amat mengasyikkan dan menenggelamkan beberapa jenis permainan tradisional yang tersohor pada suatu ketika dahulu. Ekoran daripada itu, permainan tradisional semakin dilupakan, namun masih terdapat prakarsa untuk terus melestarikan sekali gus *mengembalikan nostalgia* warisan budaya ini.

Permainan tradisional ini bukanlah semata-mata mengisi masa lapang, tetapi juga meningkatkan daya kreativiti, memupuk semangat berpasukan dan melatih kekuatan mental dan fizikal. Secara tegasnya, permainan tradisional memang wajar diketengahkan pada peringkat negara dan serantau. Minat yang mendalam terhadap permainan tradisional seperti wau, layang-layang, sepak raga dan gasing tidak cukup sekiranya tiada kemudahan untuk permainan ini. Bagi menangani isu ini, kerajaan haruslah menyediakan lebih banyak tempat atau gelanggang permainan tradisional. Berkaitan dengan pembinaan gelanggang, kerajaan boleh memajukan permainan ini dengan menyediakan jurulatih di setiap gelanggang yang telah disediakan. Pada masa yang sama, masyarakat tempatan juga boleh berganding bahu mewujudkan tapak permainan tradisional di kawasan perumahan atau kampung mereka. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik perhatian penduduk sekitar untuk beriadah bagi mengeratkan silaturahim sesama mereka.

Di samping itu, hotel tempatan dan pusat peranginan yang terkemuka di negara kita juga patut menyediakan ruang dan tapak serta alat permainan tradisional kepada pelancong asing. Sempena Tahun Melawat Malaysia, setiap negeri perlu mengetengahkan permainan tradisional dalam acara yang disusun bagi menyerlahkan warisan seni budaya yang penuh nilai estetika bagi menggamit pelancong. Sebagai contoh, kerajaan Kedah merancang menganjurkan program sukan, “Eagle Cup Sepak Takraw” bersempena Tahun Melawat Kedah 2020. Selain itu, Festival layang-layang Sedunia Pasir gudang yang dianjurkan setiap tahun perlu diteruskan untuk menarik lebih banyak pengunjung dari dalam dan luar negara.

Usaha menghidupkan kembali permainan tradisional boleh dilakukan oleh pihak sekolah dengan menganjurkan Kelab Permainan Tradisional dalam aktiviti kokurikulum. Permainan ini amat penting untuk kehidupan generasi muda kerana dapat membantu perkembangan diri. Melalui permainan tradisional mereka mempelajari cara mematuhi peraturan, menyesuaikan diri dan menyelesaikan masalah. Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut memperuntukkan seni, warisan dan budaya dalam aktiviti kokurikulum. Seni, warisan dan budaya bangsa Malaysia yang dimaksudkan termasuklah tarian, muzik, kraf, tulisan jawi syair, permainan tradisional dan seni pertahanan diri. Penyebaran maklumat tentang permainan tradisional kepada masyarakat melalui media massa juga tidak harus dipandang remeh. Hal ini demikian kerana media merupakan saluran utama dalam pencarian maklumat terutama dalam kalangan remaja.

Jabatan Warisan Negara atau kerajaan negeri perlulah lebih kerap menganjurkan festival, pertandingan dan kempen bagi menyetengahkan permainan tradisional kepada masyarakat agar dapat menanamkan rasa cinta terhadap warisan negara kepada generasi muda.

Dipetik dan diubah suai daripada “Melestarikan Permainan Tradisional Warisan Negara”
Oleh Samat Buang Dewan Siswa, Jun 2015

Soalan 2(a) – Petikan umum

Berdasarkan petikan **soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- i. Berikan maksud rangkai kata *mengembalikan nostalgia*. [2 markah]
- ii. Permainan tradisional mampu merapatkan hubungan silatulahim antara anggota masyarakat.

Apakah kepentingan-kepentingan lain permainan tradisional dalam kehidupan? [3 markah]

- iii. Permainan tradisional mampu merangsang perkembangan minda kanak-kanak.

Pada pendapat anda, apakah peranan ibu bapa bagi menggalakkan anak-anak melibatkan diri dalam permainan tradisional.

[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutny dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Lantas, berkali-kali pesan bonda kepada saya supaya memelihara agama dan bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bemarkuah. “Bumi ini milik kita. Nenek moyang kitalah yang berjuang dengan akal kebijaksanaan serta semangat keperwiraan untuk membebaskan tanah air ini daripada belunggu penjajah. Lebih kurang lima ratus tahun lamanya tanah watan ini dijajah oleh kuasa asing, bangsa kita merempat dan menjadi rakyat kelas ketiga di tanah air sendiri. Hak dan maruah kita dicabul, Mel.”

Cerita bonda suatu hari tatkala saya asyik membelek-belek kitab-kitab lama bertulisan Jawi di dalam almari yang memperincikan sejarah asal usul bumi mewah ini. Saya pandang mata bonda dalam-dalam mencari pengertian sebenar saya anak generasi baharu yang belum mengerti segala-galanya itu. Saya faham bonda hanya ingin menghidupkan roh patriotisme dan jati diri dalam diri saya. Semangat cinta akan bangsa sendiri kian terhakis dalam jiwa anak-anak generasi material ini. Harapan bonda moga-moga saya menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa saya sendiri yang sedikit, demi sedikit mula terhakis di atas tanah sendiri.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsiy’ dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah pesan bonda kepada penulis ? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah kita dapat menerapkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu?” Maka sembahnya, “Daulat, tuanku.”

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, *disuruh berhadir* akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Maka kata Seri Nara Diraja, “Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.”

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bemikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatliah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, “Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara.”

(Dipetik daripada prosa tradisional “Burung Terbang Dipipiskan Lada” dalam Antologi *Sejarah Rindu, DBP*)

(i) Berikan maksud rangkai kata *disuruh berhadir*? [2 markah]

(ii) Apakah tindakan Sultan setelah Seri Nara Diraja bersetuju untuk berkahwin dengan Tun Kudu? [3 markah]

(iii) Kajian menunjukkan peratusan keruntuhan institusi keluarga semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Pada pendapat anda, apakah sebab berlakunya keruntuhan institusi keluarga pada masa ini? [3 markah]

Soalan 2(d) – Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam Dua Belas (Fasal yang Ketiga)

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluirlah fiil yang tidak senonoh.

Anggota tengah hendaklah diingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul
Dewan Bahasa dan Pustaka

i. Apakah maksud rangkap kedua gurindam di atas ? [2 markah]

ii. Kemunculan pelbagai aplikasi media sosial menjadi wadah kepada individu yang tidak bermoral untuk menyebarkan berita-berita tidak sahih yang boleh mempengaruhi minda pembacanya

Pada pendapat anda, apakah tindakan yang akan anda ambil sekiranya menerima sesuatu berita yang tidak sahih dan diragui kebenarannya? [3 markah]

iii. Huraikan dua pengajaran yang diperolehi daripada gurindam di atas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

- (a) Tulis **satu ayat bagi setiap perkataan** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) keras
- (ii) berkeras
- (iii) kekerasan
- (iv) mengeras
- (v) pengeras
- (vi) terkeras

[6 markah]

- (b) Bina ayat dengan menggunakan kata tanya yang betul berdasarkan ayat-ayat di bawah. Kata tanya yang digunakan hendaklah sesuai dengan rangkai kata **berhuruf condong** dalam ayat-ayat yang diberikan.

- (i) Haziq sekeluarga akan bertolak ke Mekah pada *hari Jumaat*.
- (ii) Pokok durian ditanam oleh ayah Khairinna *di belakang rumah*.
- (iii) *Ilmu agama* merupakan pengetahuan penting bagi setiap manusia.
- (iv) Pemain bola sepak itu *berasal dari sebuah kampung yang terpencil*.
- (v) Pencapaian anak Encik Hassan dalam *mata pelajaran Bahasa Melayu* sangat *cemerlang*.
- (vi) *Pihak sekolah* telah mengadakan pelbagai program untuk membantu calon Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun ini.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan satu kesalahan **penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Faiez mempercepatkan kayuhannya agar cepat sampai ke sekolah kerana takut di denda guru disiplin.
- (ii) Ahli-ahli persatuan diingatkan agar mengenepikan perbezaan pendapat demi mewujudkan perpaduan yang menjadi moto belia seMalaysia.
- (iii) Para ilmuan sedang berbincang tentang cara-cara untuk meningkat hasil negara dalam bidang komersial.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sebagai pelajar, kita mesti tabah merempuh segala cabaran agar berjaya di masa depan.
- (ii) Kebanjiran pendatang-pendatang asing yang meningkat secara mengejut dari hari ke hari menjadi satu masalah kepada negara.
- (iii) Pengambilan pekerja mengikut jantina di dalam persatuan itu berdasarkan had yang ditetapkan oleh syarikat.

[6 markah]

(e) Berikan satu peribahasa yang lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa di bawah.

- (i) Musuh dalam selimut
- (ii) Air dicencang tiada putus
- (iii) Masuk ke telinga kanan, keluar ke teliga kiri

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

(i) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

(ii) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip

a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **tema** yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]

b) Plot peleraian sangat penting dalam sesebuah novel. Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, huraikan satu peristiwa pada plot peleraian yang dapat memberikan teladan kepada anda dan sebabnya. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT